

Menyuntik Unsur Estetik dan Kebudayaan Masyarakat Majmuk dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa

Nur Emelda Jumari

nur_emelda_jumari@moe.edu.sg

Rozanah Hj Kasnan

rozanah_kasnan@moe.edu.sg

Zainah Mohamed

Sekolah Menengah Ping Yi
zainah_mohamed@moe.edu.sg

Abstrak

'Tidak kenal maka tidak cinta'. Dalam usaha menyuntik minat menggemari bahasa Melayu dan terus mempelajarinya, pendekatan penerokaan yang dapat mencetuskan dan kemudian menyemarakkan minat tersebut telah digunakan. Pendekatan yang menggunakan unsur kesenian masyarakat majmuk dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Ibunda yang bertunjangkan kepada perkembangan sahsiah dan penerapan nilai-nilai murni telah diperkenalkan. Para pelajar dari kelas menengah rendah didedahkan kepada penerapan pengamalan budaya Melayu dan masyarakat Baba dan Nyonya Peranakan. Kemahiran berbahasa dan kefahaman budaya diperkukuh lagi dengan melakukan pelbagai aktiviti semasa di dalam dan di luar bilik darjah. Dapatan dijalankan dengan menggunakan pendekatan Kerapian dan Relevan atau (*Rigour and Relevance*). Masalah yang dihadapi ialah keterikatan kepada Skema Pengajaran yang telah ditetapkan serta keterbatasan sumber rujukan. Darmawisata ke Muzium Peranakan, paparan video tentang masyarakat Peranakan, kefahaman objektif serta aktiviti melengkapkan teks telah dilaksanakan untuk menambahkan pemahaman pelajar. Pengalaman yang diraih diharapkan akan memperkasa penguasaan Bahasa Ibunda para pelajar. Para pelajar juga memberikan maklum balas bahawa darmawisata ke Muzium Peranakan ialah aktiviti pembelajaran yang menarik dan telah memperkukuhkan pemahaman mereka tentang masyarakat Baba dan Nyonya Peranakan.

Kata kunci

Unsur Estetik, Kebudayaan Masyarakat Majmuk

PENGENALAN

Secara umumnya, aspek kebudayaan dalam pembelajaran Bahasa Ibunda terbatas kepada ruang lingkup masyarakat itu sendiri. Misalnya, kita banyak mendedahkan para pelajar kepada unsur-unsur kebudayaan masyarakat Melayu yang juga menjadi sebahagian daripada warisan bahasa dan budaya. Dalam pendekatan yang dilaksanakan ini, guru menerapkan konsep apresiasi pada aktiviti kebudayaan, bahasa, dan kesenian yang juga bertujuan mempertingkatkan kemahiran dan minat pada bahasa Melayu, dan seterusnya memperelok pencapaian mereka dari sudut akademik.

Topik pilihan adalah mengenai masyarakat Peranakan di Singapura dan memahami perbezaan serta persamaannya dengan masyarakat Melayu. Fokus telah diberikan pada adat kebiasaan, pakaian, makanan, kesenian, dan kraf tangan.

Kumpulan sasaran ialah pelajar menengah satu. Kami percaya mereka akan dapat memahami dan menghargai kaitan antara kesenian, bahasa, dan kebudayaan. Kami percaya para pelajar akan lebih mahir bertutur, membaca dan memberikan respons yang kritis serta memiliki idea-idea bernas mengenai bahasa dan kebudayaan.

Pakej pembelajaran ini dibahagikan kepada bahagian penerangan, pendedahan teks kefahaman, perbincangan visual, dan pengalaman menjalani darmawisata mengenai unsur pengaruh asing dalam masyarakat Melayu. Selain itu, pengaruh Melayu dalam masyarakat Baba dan Nyonya Peranakan merupakan fokus utama dalam pakej ini. Antara perkara yang diketengahkan termasuklah aspek pemakanan, pakaian, adat istiadat, bahasa, perayaan dan lain-lain lagi. Penekanan juga diberikan kepada nilai-nilai murni yang diutamakan dalam masyarakat kita dan masyarakat Baba dan Nyonya Peranakan. Diharapkan usaha ini akan membantu melahirkan pelajar yang celik budaya Melayu selain mampu mengenal pasti pengaruh amalan masyarakat Melayu pada masyarakat Baba dan Nyonya Peranakan.

PERNYATAAN MASALAH

Konsep estetik dan kesenian perlu dijelaskan kepada pelajar dengan teliti dan berkesan. Tambahan lagi, cabaran pelaksanaan projek ialah masalah keterbatasan masa. Guru perlu mengimbang antara tugas melaksanakan skema kerja dan daya usaha baru itu bagi memastikan pengurusan dan pembelajaran bahasa

sentiasa berjalan dengan lancar dan menarik.

Kelemahan berbahasa para pelajar menengah satu aliran Normal Akademik menjejaskan pergerakan ke kuadran Rigour and Relevance (R and R) yang lebih mencabar dalam jangka waktu projek yang ditetapkan. Oleh sebab itu, pengajaran perlu dirancang bersesuaian dengan kebolehan berbahasa. Ini kerana para pelajar yang mempunyai kemahiran berbahasa yang bertahap tinggi tidak mempunyai wadah untuk mempertingkatkan lagi kemahiran berbahasa mereka.. Guru perlu sentiasa bersikap kreatif dalam menyediakan wadah yang dapat memperkayakan lagi pengalaman autentik pelajar.

KAJIAN LITERATUR

Menurut kajian, golongan muda sangat mengutamakan nilai estetik dalam kehidupan seharian mereka. Dengan penerapan unsur seni, pemahaman tentang kebudayaan, kejayaan dan keseronokan akan bertambah. Dalam makalah '*The Role of Arts Education in Enhancing School Attractiveness*' (Bamford & Wimmer, 2012), telah menyatakan bahawa ia penting untuk memahami kaitan antara nilai estetik dan juga bahasa kerana ia semakin diutamakan di sekolah-sekolah.

Ibrahim Saad (1986) menegaskan bahawa para pelajar perlu didedahkan kepada pelbagai budaya kerana mereka bukan sahaja perlu mengenali tetapi perlu juga mengetahui dan menghargai asal usul kebudayaan tempatan, jati diri, dan identiti negara. Che Su Mustafa (2005) pula mengatakan bahawa kebudayaan merupakan warisan nenek moyang untuk generasi seterusnya. Menurut Stephen May (1962) pula, prinsip pendidikan pelbagai budaya dapat memperlihatkan perspektif yang positif dan sebagai sebuah masyarakat majmuk, setiap anggota masyarakat termasuk para pelajar perlu saling mengenali dan menyesuaikan diri demi keharmonian negara.

KAEDAH KAJIAN

Pembelajaran melalui kesenian mungkin memerlukan kaedah yang artistik dan kreatif melalui penerapan aspek visual, motivasi, pemerhatian, perhubungan, dan muhasabah. Antara teknik pengajaran yang digunakan oleh guru ialah pemerhatian awal, perancangan dan pelaksanaan serta tindakan susulan. Guru juga perlu mencapai matlamat kemahiran abad ke-21 iaitu, melahirkan pelajar yang terarah kendiri (*self-directed learner*), berkeyakinan (*confident person*), penyumbang yang aktif (*active contributor*), dan warga negara prihatin (*concerned citizen*).


SUBJEK KAJIAN

Projek ini melibatkan seramai 38 orang pelajar menengah satu aliran Normal Akademik. Mereka ditugaskan menulis jurnal tentang darmawisata mereka ke Muzium Peranakan. Mereka dikehendaki memusatkan perhatian pada unsur persamaan dalam amalan kebudayaan masyarakat Melayu dengan masyarakat Peranakan.

Instrumen Kajian (*Rigour and Relevance Framework*)

Instrumen *Rigour and Relevance* (R dan R) mempunyai 4 kuadran. Ia memaparkan pencapaian pelajar pada tahap-tahap tertentu. Ia bersifat anjal dan boleh digunakan untuk membina pengajaran dan penilaian. Para guru boleh menggunakannya untuk mengukur pencapaian dan memilih strategi tertentu untuk memenuhi keperluan pelajar dan matlamat pencapaian yang lebih tinggi.

**Rajah 1: *Rigour and Relevance Framework*
(Rangka Kerja Kerapian dan Relevan)**



A	B	C	D
Pelajar mengumpul dan menyimpan cebisan pengetahuan dan maklumat. Pelajar dijangka ingat atau memahami pengetahuan.	Pelajar menggunakan pengetahuan yang diperolehi bagi menyelesaikan masalah, mereka penyelesaian dan menghabiskan tugas. tahap tertinggi permohonan adalah untuk memohon pengetahuan kepada penyelesaian baru dan tidak dapat diramalkan.	Pelajar meluaskan dan memperhalus pengetahuan yang diperolehi dengan menggunakan pengetahuan secara automatik dan rutin untuk menganalisis dan menyelesaikan masalah serta mewujudkan penyelesaian.	Pelajar mempunyai keupayaan untuk berfikir dengan cara yang kompleks dan mengapikasi pengetahuan dan kemahiran mereka. Walaupun berhadapan dengan tidak diketahui membingungkan, pelajar dapat menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang luas untuk mencipta penyelesaian dan mengambil tindakan yang selanjutnya membangunkan kemahiran dan pengetahuan mereka.

PROSEDUR KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu tahap prakajian, pelaksanaan kajian dan penilaian muktamad.

1. Kajian sebelum pelaksanaan

Para pelajar ditugaskan menulis sebuah esei mengenai amalan kebudayaan dalam masyarakat Melayu tanpa bantuan dan rangsangan guru. Hasil kerja tersebut akan memberikan guru gambaran dan panduan sebelum melakar pelajaran berdasarkan *Rigour and Relevance*.

2. Pelaksanaan Pengajaran

Pada setiap kuadran, pelajar perlu mempunyai pengetahuan asas dan berpusat pada penyampaian guru (*teacher-centered lesson*). Pada kuadran B, para pelajar meneruskan pembelajaran dengan mendapatkan maklumat. Ini disusuli dengan kemahiran aplikasi maklumat. Pada setiap minggu, para pelajar ke makmal komputer untuk menjalankan kajian. Pada kuadran C, pelajar dikehendaki

menganalisis, membandingkan, menghasilkan, dan menilai. Pada tahap ini, para pelajar telah menyiapkan tugas dan menyampaikan projek mereka. Pada kuadran D pula, para pelajar dikehendaki memahami dan mengaplikasikan konsep. Proses dijalankan dalam masa 10 minggu iaitu, pada Penggal 3. Dengan bimbingan guru, pelajar secara berkumpulan mengumpulkan dan membincangkan dapatan hasil pengajaran menjalani darmawisata dan pengetahuan sampingan yang diperoleh seperti kemahiran berfikir secara kreatif, pembelajaran koperatif, pelajaran sosio-emosi, dan penerapan Pendidikan Nasional.


3. Penilaian Muktamad

Penilaian dilakukan berdasarkan keputusan markah penggal 3. Keputusan menunjukkan kejayaan pelaksanaan Rigour and Relevance di mana pelajar memperlihatkan kemajuan dalam kemahiran berbahasa melalui penghargaan kesenian dan amalan budaya.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Para pelajar telah menunjukkan peningkatan markah sebelum dan selepas ujian. Kemahiran berbahasa yang diuji ialah penulisan jurnal. Mereka berjaya menulis esei yang bertemakan budaya dan nilai estetik. Purata markah ialah sebanyak 53 peratus iaitu, purata sebelum pendedahan dilakukan. Pada tahap itu pelajar didapati lemah dari sudut isi dan bahasa. Selepas pengajaran dan pembelajaran berasaskan Rigour and Relevance yang berpusat pada unsur estetik masyarakat Peranakan, purata markah ialah 63 peratus. Pelajar telah berjaya menjelaskan persamaan antara budaya Melayu dan Peranakan dalam esei yang dihasilkan. Selain perkongsian fakta dan visual, mereka juga telah meraih pengalaman autentik ketika di Muzium Peranakan. Melalui darmawisata tersebut, mereka dapat melihat unsur persamaan dari segi busana, makanan, bahasa, dan lain-lain lagi.

Rajah 1: Praujian dan Pascaujian



KESIMPULAN

Para pelajar memahami bahawa kebudayaan yang kita warisi adalah hasil daripada pemajmukan bangsa-bangsa yang terdapat di Singapura. Dengan pelibatan aktif dan perancangan pelajaran yang pelbagai, khususnya pendedahan teks, visual dan darmawisata, pengetahuan dan kefahaman seseorang pelajar dapat diperkukuhkan lagi. Pembelajaran di luar bilik darjah telah terbukti menarik dan menambahkan kebolehan pelajar untuk menghasilkan prosa berbentuk jurnal yang memerlukan kemahiran pemerhatian, merakam pemerhatian dan menuliskan pengalaman mereka. Interaksi guru dengan pelajar semasa di luar darjah juga telah merapatkan lagi hubungan antara pelajar dengan pendidik.

RUJUKAN

- Banks, J. (2002). *An Introduction To Multicultural Education* (3rd. Ed) Seattle University.
- Bamford & Wimmer (2012), *The Role of Arts Education in Enhancing School Attractiveness: Literature Review*. EENC Paper, February 2012
- Che Su Mustafa dan Rasilah Mohd Rosdi (2005). *Budaya Masyarakat Malaysia*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ibrahim Saad (1986). *Isu Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Singapura. *Nurturing Our Young for the Future: Competencies for 21st Century*. 1- Feb 2012 http://www.moe.gov.sg/committee_of_supply-debate/files/nurturing-our-young.pdf Kuala Lumpur: Kementerian